Suruhanjaya Koperasi Malaysia

## AKTA KOPERASI 1993

## PERINTAH PEMBAYARAN KEPADA KUMPULAN WANG AMANAH PENDIDIKAN KOPERASI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah perenggan 57(2)(a) Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [*Akta 665*], saya, **DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN**, Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa 1% daripada untung bersih teraudit bagi setiap tahun kewangan yang diperoleh oleh tiap-tiap koperasi kecuali –

a) koperasi yang untung bersih terauditnya adalah kurang daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00); dan

b) koperasi sekolah,

sebagai jumlah wang yang kena dibayar oleh koperasi itu kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi bagi dua tahun kewangan mulai tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2011 hingga 30 September 2013.

Dibuat 27 Julai 2011

**DATUK HJ. MD. YUSOF BIN HJ. SAMSUDIN**
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia